

PERANAN MASJID DALAM MENYANTUNI WANITA BERIHDDAD

Norita Kamaruddin & Zanariah Dimon

Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norita@kuis.edu.my

Abstrak

Masjid berfungsi sebagai tempat penting dan selamat dalam kehidupan Muslim. Masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadah, malah sebagai pusat aktiviti keagamaan, pendidikan, dan sosial. Fungsi lain masjid ialah sebagai pusat dalam menyatu, membantu dan mengumpulkan masyarakat bagi memberikan sokongan sesama muslim dari pelbagai sudut kehidupan. Sebagai contoh dalam kes-kes yang melibatkan isteri kematian suami. Wanita yang berihddad (berkabung), akan berhadapan dengan situasi kehilangan orang yang tersayang yang kebiasaanya akan melibatkan fizikal dan emosi isteri juga terganggu sehingga mengakibatkan kebajikan mereka terjejas. Dalam situasi seperti ini, masjid perlu memainkan peranan penting bagi menyantuni wanita yang sedang berihddad dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Justeru, kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti usaha-usaha yang dilaksanakan oleh masjid dalam menjaga kebajikan isteri kematian suami yang sedang berihddad. Kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan mengumpul data secara analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pihak masjid menyantuni wanita yang sedang dalam tempoh ihddad dengan memberikan bantuan kewangan bagi meringankan beban mereka di samping melakukan ziarah ke rumah wanita yang sedang berihddad. Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan bahawa keperluan pihak masjid dalam menyantuni wanita berihddad ini amatlah perlu sehingga tamat tempoh berihddad iaitu 4 bulan 10 hari bukan sahaja meliputi bantuan kewangan tetapi juga sudut pemahaman hukum ihddad, sokongan moral dan kebajikan isteri yang sedang berihddad. Cadangan bagi isu-isu berkaitan juga dikemukakan pada akhir kajian.

Kata Kunci : Masjid, menyantuni, wanita, ihddad, kematian, isteri

(THE ROLE OF THE MOSQUE IN ACCOMMODATING WOMEN IN IHDAD)

Abstract

The mosque serves as an important and secure place in the life of a Muslim. It is not only a place of worship but also a center for religious, educational, and social activities. Another function of the mosque is to serve as a focal point to unite, assist, and gather the community to provide support to fellow Muslims in various aspects of life. For example, in cases involving the death of a husband, women in the state of 'Ihdad (waiting period) may face the loss of a loved one, which usually involves both physical and emotional challenges, impacting their well-being. In such situations, the mosque plays a crucial role in supporting women in 'Iddah to continue their lives. Therefore, this study was conducted to identify the efforts made by mosques in safeguarding the welfare of wives experiencing the waiting period after their husbands' death. This qualitative study was conducted by collecting data through document analysis. The study findings indicate that mosques support women in the 'Iddah period by providing financial assistance to alleviate their burdens, as well as visiting the homes of women in 'Iddah. However, the findings also suggest that the mosque's role in supporting women in 'Iddah is crucial not only during the waiting period but also beyond, covering financial assistance, understanding the legal aspects of 'Iddah, moral support, and the well-being of the women. Recommendations for related issues are also presented at the end of the study.

Keywords: Mosque, support, women, 'Iddah, death, wife

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 12, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Tempat ibadat bagi orang Islam atau masjid sangat signifikan dalam pembangunan masyarakat serta berperanan dalam menyatukan dan membantu khususnya masyarakat setempat dalam menyelesaikan urusan mereka. Masjid yang berfungsi dengan efisien akan memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat sekitarnya, termasuk dalam hal pembentukan aspek keagamaan dan keilmuan, serta sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat. Secara umumnya, masyarakat hari ini melihat masjid adalah sebagai tempat ibadah eksklusif bagi kehidupan Muslim. Persepsi ini perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep masjid dan menyedari peranan masjid dalam membangunkan umat Islam. Masjid bukan hanya sebagai lambang atau simbol dalam kehidupan masyarakat Islam, malah peranan besar masjid merupakan tonggak dan pusat kegiatan bagi umat Islam. Oleh kerana itu, umat Islam perlu memperkuat peranan masjid dalam memajukan ummah. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana saling terkait dan saling memerlukan antara satu sama lain. Al-Quran sendiri menyebutkan

perkataan "masjid" sebanyak 26 kali, menunjukkan pentingnya masjid dalam menggerakkan pembangunan masyarakat. (Roslan, 2008).

2. Metodologi Kajian

Kaedah analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini. Proses pengumpulan data melalui analisis dokumen melibatkan data primer dan sekunder sebagai satu kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat. Data primer adalah seperti al-Qur'an, al-Hadith, kitab-kitab fiqh, dan statut negeri. Manakala analisis sekunder melibatkan penggunaan bahan yang telah diterbitkan, seperti artikel, buku, jurnal, laman sesawang berita, dan kajian lepas untuk menganalisis isu-isu yang ingin diketengahkan. Oleh itu, pengumpulan data dilakukan melalui analisis kandungan dan analisis dokumen untuk memastikan perolehan maklumat yang tepat dan jelas. Penelitian ini berasaskan kajian kualitatif dan data dianalisis secara induktif dan analisis kandungan bagi mencapai objektif kajian.

3. Dapatan dan Perbincangan

Hasil kajian dan analisis merangkumi aspek berikut iaitu pensyariatan ihdad menurut syarak, peranan dan pengurusan masjid sebagai pusat pembinaan ummah menurut undang-undang kebajikan dan peranan masjid dalam menyantuni wanita kematian suami dalam menjaga kebajikan dan kemaslahatan wanita berihdad dalam qariah masjid masing-masing.

3.1 Ihdad menurut syarak

Ihdad, dalam konteks bahasa, merujuk kepada tindakan menegah atau membatasi diri. Dalam istilah syariah, ia mengandungi pengertian meninggalkan segala perhiasan dan elemen yang boleh dianggap sebagai perhiasan diri. Ini termasuklah menghindari pemakaian pakaian yang berwarna-warni, menggunakan wangian, memakai perhiasan, memakai celak, dan elemen-elemen lain yang mungkin menarik perhatian orang ramai terhadap seorang wanita (Al-Zuhaili:659).

Menurut Jumhur ulama empat mazhab, iaitu mazhab Maliki, Syafi'i, Hanafi, dan Hanbali, sependapat bahawa berihdad, atau tindakan menahan diri adalah wajib bagi setiap isteri yang sedang menjalani iddah selepas kematian suaminya (Al-Zuhaili:660).

Kewajipan berihdad ini jelas tergambar melalui al-Sunnah, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ummu 'Atiyyah r.a:

كنا نهى أن نحد على ميت فوق ثلاث، إلا على زوج أربعة أشهر وعشرا، ولا نكتحل، ولا نتطيب، ولا نلبس ثوبا مصبوغا، وقد رخص للمرأة في طهرها إذا اغتسلت إحداها من محيضها، في نبذة من قسط وأظفار

Kami dilarang berkabung atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan kematian suami yang dibenarkan berkabung selama empat bulan sepuluh hari. Kami tidak dibenarkan bercelak, berwangi-wangian dan memakai pakaian yang cantik, berseri

melainkan ‘asb (sejenis pakaian perempuan Arab). Ketika mandi setelah suci daripada haidh, kami dibenarkan menggunakan sedikit minyak wangi. Kami juga dilarang untuk mengiringi jenazah.”

Riwayat al-Bukhari (307) dan Muslim (938)

Dalam riwayat lain dari Umm Habibah r.a, Nabi SAW bersabda:

لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر تحب علي ميت فوق ثلاث الا علي زوج أربعة اشهر وعشرا

“Tidak halal bagi wanita yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat untuk berkabung lebih daripada tiga hari kecuali jika yang meninggal adalah suaminya, maka waktunya adalah empat bulan dan 10 hari.”

Riwayat al-Bukhari (1222)

Maksud dari kedua-dua hadis tersebut dengan jelas menunjukkan bahawa hukum berihdad bagi wanita yang kematian suami yang wajib adalah selama empat bulan sepuluh hari. Bagi kematian kaum kerabat terdekat seperti bapa, anak, atau saudara kandung waktu berkabung adalah selama tiga hari saja.

3.2 Peranan dan Pengurusan Masjid Sebagai Pusat Pembinaan Ummah Menurut Undang-undang

Secara literal, asal perkataan "masjid" adalah dari bahasa Arab iaitu "*sajada, yasjudu, sajdan*". "*Sajada*" memberi maksud bersujud, taat, patuh, dan tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Apabila merujuk kepada suatu tempat, istilah ini menjadi "*masjidun*" yang mengandungi makna tempat sujud menyembah Allah SWT. Dari segi istilah syarak pula, perkataan "masjid" bermaksud suatu struktur binaan atau tempat yang dibina dengan tujuan utamanya untuk membolehkan orang Islam mendirikan solat menjalankan aktiviti keagamaan. Manakala, dari sudut istilah Bahasa Melayu sebagaimana dalam Kamus Dewan, masjid adalah tempat yang khusus digunakan oleh umat Islam untuk melaksanakan solat Jumaat dan pelbagai aktiviti keagamaan lain yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama. Tafsiran undang-undang pula jelas diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003, Seksyen 2 iaitu:

“Suatu bangunan:

- a. Digunakan untuk solat Jumaat, solat lain, dan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- b. Penggunaannya sebagai yang demikian diizinkan oleh Majlis berdasarkan Seksyen 98, termasuk surau, madrasah, atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen tersebut (Noresah, 2007)”.

Masjid merupakan pusat keagamaan, kemasyarakatan dan keilmuan dalam Islam. Masjid bukan sahaja digunakan untuk melaksanakan ibadah utama dalam kalangan umat Islam, seperti solat fardu dan sunat secara berjemaah. Bahkan, masjid juga merupakan simbol atau syiar dalam kehidupan masyarakat Islam. Masjid memegang peranan yang lebih besar dan penting sebagai pusat dan nadi kegiatan aktiviti umat Islam. Melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di masjid, ia menjadi penentu aras kepada institusi masjid yang dapat mengintegrasikan umat Islam dalam pelbagai aspek, termasuk pembangunan modal insan dari segi kerohanian, akhlak, dan kehidupan bermasyarakat.

Pada zaman kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam dahulu, masjid memiliki berbagai fungsi yang penting. Salah satunya adalah sebagai pusat rujukan utama dalam hal yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran negara. Masjid juga berfungsi sebagai pusat menguruskan aspek kewangan dan ekonomi, menyebarkan dan meluaskan pengaruh dalam aktiviti agama, memperjuangkan integriti masyarakat dalam perundangan, serta membina pusat sosial dan kemasyarakatan, serta lain-lain yang berkaitan dengan masyarakat setempat dengan persekitaran masjid tersebut (Mohd Yahya Mohd Husin, 2014).

Lebih daripada itu, institusi masjid berfungsi menjadi pusat pembinaan ummah secara keseluruhannya dan bukan semata-mata tempat ibadat khusus sahaja seperti solat, solat Jumaat dan solat hari raya. Pengimarahkan masjid perlu dilakukan melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan kebajikan ahli qaryah masjid agar masyarakat sedar dan cakna tentang kepentingan mengimarahkan masjid dan memperluaskan potensi masjid sebagai pusat keagamaan (Priyono et al., 2020). Tambahan pula, masjid juga berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan membantu masyarakat meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan mereka. Pelaksanaan program-program bertujuan untuk mengimarahkan masjid melibatkan pelaksanaan program dan aktiviti dalam bentuk spiritual dan sosial kemasyarakatan (Mustari & Jasmi, 2008).

Mohd Ridhuan et al. (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa asas pengimarahkan masjid yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan program-program di masjid termasuk seruan kepada manusia untuk bertakwa, menjauhi maksiat, meningkatkan syiar Islam, menghapuskan syirik, dan membimbing golongan yang masih jahil. Terdapat pelbagai motivasi masyarakat untuk menghadiri masjid, termasuk untuk belajar tentang Islam, beribadah, bersosial, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan, mendapatkan sokongan kewangan, dan sebagainya (Nyhagen, 2019).

Oleh itu, kepelbagaian fungsi masjid dalam bentuk pengimarahkan dan pembinaan ummah menjadikan masjid sebagai institusi yang sangat penting dan mulia berbanding tempat ibadat yang lain. Masjid bukan sahaja menjadi tempat solat berjemaah, terdapat pelbagai aktiviti lain yang menjadikan masjid sebagai tempat tumpuan seperti pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, kesukanan, dan keusahawanan yang boleh dikembangkan melalui institusi masjid. Oleh itu, kehebatan suatu masjid tidak hanya bergantung pada senibinanya tetapi juga pada tahap pengimarahannya (Nor Azlina, 2016).

Dalam konteks undang-undang Malaysia, bidang kuasa berkaitan undang-undang pentadbiran agama Islam adalah terletak di bawah kuasa negeri-negeri berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kuasa ini adalah terbatas dan hanya boleh

dilaksanakan ke atas orang Islam dalam negeri masing-masing serta melibatkan undang-undang diri dan keluarga sahaja (Tajul Aris Ahmad Bustami, 2005). Raja-raja Melayu pula bertanggungjawab sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing. Yang Di Pertuan Agong pula kekal sebagai Ketua Agama bagi negeri baginda dan juga bagi negeri-negeri tidak beraja seperti Wilayah-wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak (Zaini Nasohah, 2004). Sementara kuasa perundangan berkaitan dengan hal ehwal perundangan dan pentadbiran agama Islam adalah tanggungjawab Badan Perundangan Negeri dan melibatkan undang-undang khusus dalam hal ehwal orang Islam (Zaini Nasohah, 2004).

Berdasarkan ketetapan undang-undang Islam di bawah bidang kuasa negeri, maka pengurusan dan pentadbiran masjid adalah di bawah kuasa dan tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri. Peruntukan mengenai bidang kuasa masjid ini dinyatakan dalam Jadual 9 Senarai 2 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

- 1) “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesaharapan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Justeru, Majlis agama Islam negeri-negeri adalah pemegang amanah bagi masjid dan mempunyai kuasa untuk membenarkan penubuhan, menguruskan kewangan, mengurus penyelenggaraan masjid dan melantik pengurusan masjid. Dari aspek pengurusan masjid, Majlis Agama Islam boleh mengarahkan pentadbir masjid untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Jawatankuasa Kariah bagi mengurus dan mentadbir operasi masjid di negeri dan daerah atau mukim di negeri Selangor (seksyen 104, EPAIS, 2003). Pembahagian bidang tugas dan kuasa mentadbir adalah bergantung kepada kategori masjid. Jawatankuasa pengurusan ini dibantu oleh Pegawai Masjid yang dilantik oleh Majlis Agama Islam (seksyen 100, EPAIS, 2003). Jawatankuasa tersebut bertanggung jawab bagi mengelola masjid dan semua tanah perkuburan dalam kariah masjid, mengawal kelakuan anak kariah masjid berhubung dengan agama Islam dan memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis mengenai perkara yang berbangkit dalam kariah masjid.

Dalam hal berkaitan kewangan masjid, pentadbir masjid diberi kebenaran untuk menguruskan kewangan masjid dan memungut pungutan khairat sendiri bagi digunakan untuk menjaga kebajikan ahli qaryah setempat (seksyen 106, EPAIS, 2003). Kemampuan

untuk menguruskan kewangan dengan cekap adalah kunci kejayaan sesebuah institusi, termasuk masjid, kerana ia mempengaruhi pelaksanaan operasi dan aktiviti-aktiviti yang direncanakan, terutamanya yang berkaitan dengan kebajikan ahli kariah. (Hydzulkifli Hashim et al. 2015). Dalam konteks ini, kebajikan ahli qaryah yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan masjid juga termasuk dalam menjaga kebajikan dan kemaslahatan wanita-wanita Islam yang kematian suami dalam menjalani tempoh berihdad. Masjid boleh berfungsi sebagai sumber bantuan kewangan dan membantu wanita berihdad untuk menguruskan keperluan asas mereka. Program infaq dan sedekah boleh dijalankan untuk membantu mereka yang menghadapi kesulitan kewangan selepas kehilangan suami. Selain itu, masjid dapat memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat dan bantuan berkaitan pekerjaan untuk memperkuat keupayaan wanita berihdad untuk mencari sumber pendapatan tambahan.

3.3 Peranan Masjid dalam Menyantuni Wanita Berihdad

Golongan wanita yang kehilangan suami dalam masyarakat hari ini sering menghadapi pelbagai masalah, terutamanya dari segi emosi dan ekonomi dalam rumah tangga. Bagi sesetengah dari mereka, kematian suami bermakna kehilangan sumber pergantungan utama. Tambahan pula, stigma atau pandangan negatif masyarakat terhadap golongan janda semakin memburukkan keadaan. Keadaan ini menyebabkan sesetengah wanita kehilangan arah dan panduan untuk memulakan kehidupan baru setelah kematian suaminya. Masjid, sebagai pusat ibadah dan kegiatan komuniti dalam masyarakat Islam, memainkan peranan yang penting dalam menyokong dan menyantuni individu yang menghadapi cabaran, termasuk wanita yang kehilangan suami. Kehilangan suami bukan hanya satu duka yang mendalam tetapi juga membawa cabaran kewangan dan emosi kepada wanita berihdad.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa peranan yang boleh dilaksanakan oleh masjid untuk memberi sokongan kepada wanita-wanita yang berada dalam keadaan berihdad:

1. Pusat Nasihat dan Kaunseling

Masjid berperanan dalam menasihati dan membantu memperkuat keimanan, ketabahan serta memberikan pengetahuan tentang hukum dan hal-hal yang berkaitan ihddad terhadap wanita yang kematian suami. Hal ini penting agar wanita kematian suami dapat menjalani kehidupan dengan berpandukan hukum ihddad yang telah disyariatkan (Nor Azlina Abd Wahab.2016).

Oleh itu, masjid perlu menjalankan peranan penting sebagai rujukan dalam menangani pelbagai masalah dan isu yang dihadapi oleh umat Islam dalam kehidupan mereka. Ini termasuk memberikan jawapan yang bersifat munasabah dan bersesuaian dengan prinsip-prinsip Islam terhadap pertanyaan-pertanyaan yang timbul, termasuk yang berkaitan dengan masalah iddah dan ihddad. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan nasihat, menghibur, dan menguatkan semangat wanita berihdad. Program-program khusus untuk menangani isu kematian suami dan bimbingan psikososial dalam bentuk kaunseling dan runding cara kepada wanita berihdad ini boleh diadakan di dalam masjid untuk membantu mereka mengatasi perasaan kehilangan.

Dapatan ringkas menunjukkan bahawa tidak semua masjid menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling berkaitan dengan perkahwinan dan kekeluargaan. Beberapa contoh masjid di negeri Selangor yang menawarkan khidmat tersebut termasuk Masjid Abdullah Fahim Seberang Perai Utara, Masjid Al Hidayah Kelana Jaya, Masjid Al-Khairiyah Taman Seri Gombak, Masjid Bandar Seri Putra, Kajang, dan Masjid Usamah bin Zaid, Wangsa Maju. Di Wilayah Persekutuan, sebanyak 12 masjid telah dipilih sebagai pusat aduan dan khidmat kaunseling bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga, menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff. (<https://pmr.penerangan.gov.my/?p=7696>)

Satu anjakan paradigma boleh dilakukan di mana imam, bilal dan jawatankuasa masjid boleh menyediakan khidmat kaunseling kepada masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya masyarakat Islam kini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani kehidupan. Pusat Kebajikan dan Sokongan Moral

Isteri yang kehilangan suaminya diwajibkan menjalani tempoh iddah selama empat bulan sepuluh hari. Selama tempoh tersebut, isteri perlu mematuhi batasan dan larangan berihdad. Dalam menghadapi kehilangan yang sedemikian, baik secara fizikal mahupun emosi kebajikan isteri mungkin terjejas. Wanita yang berihdad terkadang menghadapi kesulitan untuk mematuhi larangan berihdad, seperti tidak keluar rumah tanpa urusan penting atau bekerja, yang adakalanya menyebabkan mereka tidak dapat mengurus diri sendiri dan anak-anak tanpa sokongan dan perhatian dari orang lain. Oleh itu, selain peranan keluarga, rakan-rakan, dan majikan, masjid juga memegang peranan penting dalam menjaga kebajikan isteri yang kehilangan suaminya. Masjid dapat memberikan sokongan moral dan bantuan praktikal yang membantu isteri merangka semula kehidupan mereka selepas kematian suami.

Berdasarkan hasil kajian Maffuza Salleh, Norita Kamaruddin, Zanariah Dimon & Naqibah Mansor (2022) enunjukkan bahawa sepanjang tempoh berihdad, wanita yang kehilangan suaminya menerima bantuan, baik dalam bentuk material mahupun sokongan moral. Bantuan yang diterima melibatkan sumbangan kewangan serta urusan berkaitan majlis tahlil setelah kematian, berserta kunjungan dan ziarah ke rumah wanita yang berduka tersebut. Bagaimanapun, pihak masjid tidak memberi bantuan barangan makanan dan keperluan dapur kepada wanita yang sedang berihdad. Justeru, pihak masjid perlu memperkasakan pengurusan masjid agar kebajikan wanita berihdad lebih terjaga.

4. Rumusan dan Cadangan

Dalam era kontemporari yang kian mencabar, masjid adalah asas dalam membangunkan masyarakat Islam. Peranan masjid bukan hanya menjadi tanggungjawab pengurus masjid, tetapi juga merupakan kewajipan seluruh masyarakat khususnya dalam menyantuni wanita yang berihdad. Cadangan-cadangan untuk memperkasakan peranan masjid menjadi aspek yang penting untuk memastikan bahawa masyarakat dapat melihat masjid sebagai *one stop centre* bukan sahaja dalam menyediakan perkhidmatan keagamaan, tetapi juga berperanan dalam menyampaikan ajaran Islam dan memajukan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, perlu dilakukan usaha untuk memperkukuhkan peranan masjid agar dapat berfungsi secara efektif

dalam pembangunan individu dan masyarakat yang sejahtera, sejajar dengan perubahan modenisasi yang berlaku.

Masjid bukan hanya berperanan sebagai tempat rujukan bagi masyarakat yang menghadapi masalah, tetapi juga merupakan salah satu usaha untuk membantu membentuk generasi Muslim yang cemerlang. Oleh itu, beberapa strategi dicadangkan untuk memastikan pelaksanaan bimbingan kaunseling di masjid dapat dijalankan dengan berkesan. Antara cadangan tersebut termasuklah persiapan yang teliti oleh pihak pengurusan masjid, pelantikan jawatankuasa kaunseling atau kaunselor yang berkelayakan, penyediaan latihan untuk pembimbing, pengadaan bilik kaunseling yang sesuai, dan membina rangkaian kerjasama dengan masjid-masjid lain. Langkah-langkah ini dapat memastikan bahawa masjid menjadi pusat yang tidak hanya menangani masalah, tetapi juga memberikan bimbingan dan sokongan kepada individu untuk membentuk generasi Muslim yang berkualiti. (Saleh, 2010)

Kewujudan masjid sebagai pusat nasihat dan kaunseling dianggap relevan dengan situasi masyarakat yang kini berdepan dengan tekanan hidup yang pelbagai dalam era kontemporari. Penanganan bijaksana terhadap isu-isu ini diperlukan melalui penglibatan aktif institusi-institusi masing-masing, terutamanya melibatkan peranan masjid yang menjadi teras dalam pembangunan jiwa insan.

RUJUKAN

- Abd. Wahab, N. A., Ab. Hamid, N. & Che Man, N. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*. Volume 5. Issue 2. 2016. 129-229
- Ahmad Bustami, T. A. (2005). Bidang Kuasa Mahkamah Syairah dalam Kes Pewarisan: Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes Jumaaton lwn. Raja Hizaruddin. dlm. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal, et al. (Ed). *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Syawkani, Muhammad Ibn. ‘Ali Ibn Muhammad (1832). *Nayl al-Awtar*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladuh.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
<https://pmr.penerangan.gov.my/?p=7696>
- Maffuza Salleh, Norita Kamaruddin, Zanariah Dimon & Naqibah Mansor (2022). Kewajipan Dan Kebajikan Isteri Kematian Suami Dalam Tempoh Berihdad Satu Kajian Di Daerah Hulu Langat Selangor. KUIS : Kajang.
- Mohd Hussin, M. Y., Muhammad, F. Abdul Razak, A. & Roshidi Ahmad, M. A. (2014). Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid. *Sains Humanika*. Volume 2. Isu 1. 13–21
- Mohd Ridhuan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti Azimah, S. (2019). Prinsip Al-Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Ke Arah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 28–36.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.

- Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid & Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*. Volume 5, Issue (2) 219-229.
- Nyhagen, L. (2019). Mosques as gendered spaces: The complexity of women's compliance with, and resistance to, dominant gender norms, and the importance of male allies. *Religions*, 10(5), 1–15. <https://doi.org/10.3390/rel10050321>
- Perlembagaan Persekutuan
- Priyono, D. J., Fawaidi, B., & Nurhayati, U. (2020). Pemberdayaan masjid: Pembinaan masjid agar menjadi masjid yang makmur di Masjid Al-Huda Dusun Darussalam Desa Jatimulyo Kecamatan Jenggawah Kabupaten Jember. *Al-Ijtima': Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(1), 26–40.
- Roslan, M. (2008). *Masjid Sebagai Medan Pembangunan Insan*. Jurnal Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM)
- Saleh, A. (2010). Masjid dan Kaunselor dalam Pembentukan Generasi Muslim. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjid.115
- Syauqi, D. (2004) *al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
- Wahbah al-Zuhaili. Dr. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik : Dar al-Fikr.
- Zulkifli Omar, H., Isa, M. Y & Yusuff, N. (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies*. v. 22, n. 2, Dis. 2015. 115-134.